

Bahagian A

[60 markah]

*Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini*

- 1 (a) Gambar 1 dan gambar 2 di bawah berkaitan dengan faktor pengeluaran.



Gambar 1



Gambar 2

Jelaskan perbandingan gambar 1 dan gambar 2.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan sistem ekonomi.

Individu dan pihak swasta bebas membuat segala keputusan ekonomi tanpa campur tangan kerajaan.

Jelaskan ciri sistem ekonomi selain di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]


- (c) Jadual 1 di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (unit)	Kuantiti penawaran (unit)	
		Firma A	Firma B
18	20	4	1
20	15	6	3
25	12	7	5
30	10	12	8

Jadual 1

Dengan bantuan rajah, Lukis keluk keseimbangan pasaran.

[5 Markah]



[5 markah]



- (d) Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang W.

Jenis barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti diminta
Barang W	30	9

Jadual 2

- (i) Hitung keanjalan harga permintaan barang W.

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan penentu keanjalan harga permintaan berdasarkan jawapan 1(d)(i).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (a) Gambar berikut berkaitan dengan sejenis wang yang dikeluarkan oleh bank perdagangan.



Gambar 3

- i) Kenal pasti jenis deposit yang menawarkan kemudahan di atas.

.....

[1 markah]

- ii) Huraikan kemudahan yang disediakan kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan 2a(i).

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan corak perbelanjaan Encik Fendi dalam tempoh sebulan.


Butiran	Jumlah (RM)	Butiran	Jumlah (RM)
Gaji	9 000	Ansuran rumah	3 000
Sewa rumah diterima	2 000	Ansuran kereta	1 800
Untung	1 000	Makanan	1 800
Caruman KWSP	990	Hiburan	800
Zakat	300	Wang saku anak	900
Cukai pendapatan	1 000	Perubatan	800
Bil utiliti	600		

Encik Fendi berhasrat membuat tabungan sebanyak RM1000 sebulan bagi tujuan membeli motosikal idamannya. Cadangkan satu penyata belanjawan peribadi yang sistematik untuk Encik Fendi.

This image shows a full page of white paper with horizontal dashed lines, typical of primary school handwriting practice paper. The lines are evenly spaced and run across the entire width of the page. There are no margins, text, or other markings present.

[5 markah]

(c) Gambar 4 merupakan input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 4

Jelaskan perbezaan bagi kedua-dua input tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan projek mega yang dilaksanakan oleh kerajaan.

38 projek bernilai RM1.65 bilion beri impak besar kepada Perlis

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan 38 projek pembangunan infrastruktur di Perlis bernilai lebih RM1.65 bilion termasuk di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akan memberi impak besar kepada pembangunan negeri itu.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata daripada keseluruhan projek terbabit, 17 kini di peringkat prapembinaan membabitkan kos kira-kira RM880.25 juta, manakala 21 projek di peringkat pembinaan dengan nilai kira-kira RM757.14 juta.

Beliau berkata, pembangunan di UniMAP merangkumi pembinaan masjid, Pusat Islam dan Pusat Pengajian Kejuruteraan.

Katanya, projek lain yang sedang dilaksanakan ialah Sekolah Berasrama Penuh SMKA Kangar, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah terpilih serta penubuhan UniKL Asia Sustainable Transportation Institute (ASTI) di Lembah Chuping.

Sumber diubah suai: <https://www.bharian.com.my/> 11Februari 2025

Jelaskan kesan yang diterima oleh rakyat Perlis akibat pelaksanaan projek ini.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 (a) Kerajaan berusaha mengawal selia kegiatan pengeluar dan eksternaliti negatif.

Bagaimanakah kerajaan bertindak sedemikian.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (b) Keratan akbar berikut berkaitan dengan keadaan ekonomi semasa negara.

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengikut langkah kuasa ekonomi besar dengan menaikkan kadar faedah bagi mengawal pergerakan harga dan memastikan inflasi terkawal.

"Apabila ini berlaku ia sedikit sebanyak akan mengurangkan permintaan dan kuasa beli yang bertujuan untuk memastikan inflasi itu terkawal.

Sumber: Astro awani online, 2022

Jelaskan kesan peningkatan kadar faedah kepada pengguna.

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

[5 markah]



- (c) Gambar rajah di bawah merupakan keluk kesan pelaksanaan sekatan perdagangan kepada ekonomi.



Rajah 1

Huraikan rajah di atas dan kenalpasti kawasan hasil kerajaan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia berbanding Euro.

Bulan	€ 1
April	RM4.632

- (i) Jika pengimport Malaysia membeli barang daripada negara Euro pada bulan April yang berjumlah €150 , berapakah yang perlu dibayar dalam nilai Ringgit Malaysia?

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kesan kepada Imbangan dagangan jika kadar pertukaran semasa berubah kepada €1 = RM 4.870.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Perbualan di bawah berkaitan bidang pekerjaan dua orang individu.



- (a) Berdasarkan perbualan di atas, jelaskan faktor pemilihan pekerjaan sebagai influencer. [4 markah]
- (b) Jelaskan faedah sampingan yang diperolehi oleh pekerjaan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). [7 markah]
- (c) Perkembangan teknologi masa kini terutama dalam bidang AI banyak menyumbang kepada pemilihan pekerjaan. Bincangkan. [9 markah]



- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan isu semasa ekonomi.

**Krisis tenaga global tekan harga minyak, subsidi kerajaan meningkat
– Amir Hamzah**

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan memaklumkan krisis tenaga global susulan gangguan di Selat Hormuz kini menjejaskan kira-kira 20 peratus aliran minyak dunia, sekali gus menyebabkan bekalan berkurangan dan harga meningkat dengan ketara.

Beliau berkata, kenaikan kos berkenaan turut menyumbang kepada peningkatan harga bahan api seperti RON95 dan diesel di peringkat global, termasuk di Amerika Syarikat, Jepun, China serta negara Asia Tenggara.

Dalam masa sama, Amir Hamzah menegaskan kerajaan kekal komited mengekalkan subsidi bahan api bagi melindungi rakyat serta sektor kritikal seperti pengangkutan awam dan nelayan.

Beliau turut memaklumkan perbelanjaan subsidi kerajaan meningkat ketara kepada RM6 bilion berbanding RM700 juta sebelum krisis, bagi menampung lonjakan harga dan melindungi rakyat daripada kesan langsung kenaikan kos tenaga.

Diubahsuai dari sumber: <https://www.astroawani.com>, 10 April 2026

- (a) Krisis yang berlaku menyebabkan taraf hidup masyarakat terjejas. Buktikan [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan pasaran yang berlaku kepada firma. [7 markah]
- (c) Pemberian subsidi dapat meringankan beban pengguna. Kemukakan hujah anda. [9 markah]

- 6 Maklumat berikut merupakan berkaitan dengan Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK).

Ekonomi Malaysia 2025 atasi semua jangkaan

PUTRAJAYA: Ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi memberangsangkan bagi tahun 2025 apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.2 peratus, sekali gus mengatasi unjuran rasmi kerajaan antara 4.0 peratus hingga 4.8 peratus.

Menurut Kementerian Kewangan, walaupun negara berdepan dengan persekitaran global yang tidak menentu, permintaan domestik kekal kukuh dalam meneraju pertumbuhan ekonomi negara.

Kejayaan ini turut disokong oleh disiplin fiskal yang ketat apabila Kerajaan MADANI berjaya mengatasi sasaran defisit fiskal bagi dua tahun berturut-turut.

"Penjimatan daripada reformasi fiskal dapat diperuntukkan semula kepada program bantuan sosial seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), di samping komitmen berterusan kerajaan terhadap projek infrastruktur awam yang mampu meningkatkan kualiti hidup rakyat," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Ubahsuai: Berita Harian Online, Febuari 13, 2026

- (a) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang pesat dikatakan mengalami pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Jelaskan sebab pertumbuhan tersebut.
[4 Markah]
- (b) Huraikan kesan pertumbuhan ekonomi kepada negara dalam aspek pendidikan dan sosial
[7 Markah]
- (c) Setujukan anda dengan tindakan kerajaan memperuntukkan semula kewangan untuk program bantuan sosial.
[9 Markah]



7 Infografik dibawah berkaitan dengan belanjawan negara 2026.



Rajah 2

- (a) Jelaskan tujuan belanjawan disediakan oleh negara? [4 markah]
- (b) Huraikan jenis belanjawan yang dilaksanakan oleh negara Malaysia pada tahun 2026. [7 markah]
- (c) Pelaksanaan belanjawan tersebut memberi impak kepada ekonomi negara. Kemukakan hujah anda. [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN BAHAGIAN B

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]